

TARIKH: 16/12/23
SURAT KHABAR: Harian Metro
MUKA SURAT: 6

OP BERSEPADU TIP DI KAWASAN PERINDUSTRIAN KUNDANG

EMPAT BULAN TAK BAYAR GAJI

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

Gombak

Pintu keluar kilang dikawal ketat penjaga khas manakala buruh paksa yang diambil bekerja tidak dibayar gaji sejak empat bulan lalu.

Itu nasib menimpa dua warga asing disyaki dieksploitasi sebagai buruh paksa sebelum diselamatkan p polis menerusi Op Bersepadu TIP di kawasan Perindustrian Kundang, Rawang di sini, kelmarin.

Kedua-dua mangsa warga Indonesia dan Myanmar itu diselamatkan anggota Bahagian D3 Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (Atipsom) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman.

Ketua Penolong Pengarah D3 Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Soffian Santong berkata, kedua-dua mangsa dipaksa bekerja selama 12 jam setiap hari.

Menurutnya, serbuan jam 4.10 petang itu dijalankan bersama pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Selangor.

"Soal siasat awal dijalankan menggunakan penterjemah rakan senegara mendapati mangsa tidak dibenarkan keluar serta tidak menerima pembayaran gaji lebih empat bulan.

"Didapati seorang lelaki Indonesia sudah bekerja sejak setahun lalu kehilangan jari hantu tangan kanan akibat kemalangan di tempat kerja. Berlaku pengabaian oleh majikan kerana mangsa tidak diberi



SEBAHAGIAN pekerja warga asing yang ditahan dalam operasi Pintas Bersepadu (TIP) Bahagian Bukit Aman di Rawang. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

rawatan sepatutnya malah dipaksa terus bekerja," katanya.

Katanya, siasatan awal mendapati premis itu beroperasi sejak setahun lalu tanpa lesen malah turut menggajikan pendatang asing tanpa izin (Pati) bagi kerja memproses bahan plastik terpakai dari negara China.

"Hasil pemeriksaan lanjut, polis menahan 15 individu dan menyelamatkan dua mangsa pemerdagangan manusia warga Indonesia dan Myanmar terbabit.

"Tangkapan Pati memabitkan 10 lelaki dan lima

wanita iaitu tiga warga Myanmar, Bangladesh (satu), China (empat), dan Indonesia (tujuh," katanya.

Katanya, semua pekerja terbabit tidak dibenarkan keluar dari premis sesuka hati berikutan pintu utama kilang hanya boleh dibuka menggunakan alat kawalan jauh dipegang seorang penjaga.

Menurutnya, penjaga premis yang juga berperanan sebagai penyelia kilang itu ditahan bersama seorang lagi suspek dipercayai pembantunya.

"Hasil pemeriksaan lanjut, polis berjaya menahan 15 individu dan menyelamatkan dua mangsa pemerdagangan manusia warga Indonesia dan Myanmar terbabit"

'Ejen' janji sedia dokumen dengan bayaran RM3,000

Gombak Seorang lelaki Indonesia merana akibat ditipu 'ejen' yang berjanji akan menyediakan segala dokumen bekerja di Malaysia dengan bayaran berjumlah RM3,000 dua tahun lalu.

Mangsa, Sukarno, 28, bagaimanapun ditahan dalam Ops Bersepadu TIP dijalankan anggota polis Bahagian D3 Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (Atipsom) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman di kawasan Perindustrian Kundang, Rawang di sini, kelmarin.

Lelaki itu berkata, setibanya di

Malaysia, ejen terbabit menghilangkan diri namun masih boleh dihubungi menerusi telefon.

"Bagaimanapun ejen itu memberikan pelbagai alasan apabila dia menuntut segala janji yang ditawarkan semasa membuat pembayaran.

"Peringkat awal, saya bekerja secara haram di ladang selama beberapa bulan sebelum bekerja di kilang memproses barang lusuh.

"Saya datang ke Malaysia mahu mencari wang tiada pekerjaan di kampung kecuali bercucuk tanam. Di negara ini ada banyak ladang sawit,

kilang dan sebagainya.

"Di sini, walaupun kerja berat dan waktu kerja panjang tapi saya bersyukur dengan gaji diterima.

"Saya terpaksa kerja keras bayar ejen di Indonesia 10 juta rupiah (RM3,000), tetapi bila sampai dia menghilangkan diri dan nombor telefon diberikan tak dapat dihubungi," katanya.

Bapa kepada seorang cahaya mata itu berkata, dia menerima upah RM80 sehari dan mampu memperoleh pendapatan bulanan RM2,200 dengan kerja memproses barangan plastik lusuh yang dibawa masuk dari China.